

# Henti perkara boleh cetus perpecahan antara kaum

B/Harian

MS 16

25/2/97

**Muar:** Rakyat tempatan perlu menghentikan sebarang perkara yang boleh menyebabkan berlakunya perpecahan masyarakat berbilang bangsa yang terdapat di negara ini.

Ia termasuklah, menjauhkan diri daripada mereka yang suka membuat kenyataan provokatif dan perbuatan yang boleh membualkan ketegangan dalam masyarakat selain menghina sesuatu kaum atau agama.

Pemegang Amanah Yayasan Perpaduan Malaysia, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata perpaduan adalah hadiah yang tidak termilai dan perlu dipelihara serta dihargai oleh semua lapisan rakyat berbilang kaum di Malaysia.

"Kita harus menumpukan kepada usaha mewujudkan lebih banyak *moment perpaduan*" (detik perpaduan) untuk memupuk semangat perpaduan.

"Sebagai contoh, kita boleh anjurkan kegiatan kemasyarakatan yang boleh disertai penduduk setempat seperti gotong-royong, program pencegahan jenayah, kempen anti-dadah atau hari kesedaran alam sekitar," katanya pada Majlis Makan Malam Tahun Baharu Cina anjuran Persatuan Penduduk Taman Sri Maharani di sini, malam tadi.

Lam Thye, yang juga Naib Pengurus Kanan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), berkata rakyat di negara ini juga boleh mengambil contoh daripada kerukunan masyarakat di Taman Sri Maharani ini yang mampu melaksanakan program pencegahan jenayah dan perpaduan dengan baik.

## Ambil berat jiran tetangga

Pada program yang sama, beliau turut menggesa orang ramai supaya sentiasa mengambil berat mengenai jiran tetangga dan menjadi mata serta telinga kepada pihak berkuasa bagi membantu mengekalkan tahap keselamatan di kawasan masing-masing.

Katanya, ibu bapa juga perlu menggalakkan anak mereka untuk melakukan tindakan yang sama kerana ia akan membantu mereka memainkan peranan yang lebih baik sebagai seorang rakyat yang bertanggungjawab kelak.

"Kita semua perlu menjadi mata dan telinga kepada pihak polis dan perkara ini perlu dilakukan secara berterusan, pada masa sama, ia juga perlu diperturunkan kepada anak-anak mereka yang juga generasi akan datang."

"Perkara ini sangat penting bagi masyarakat sama ada di kawasan perumahan atau di kampung, untuk menjaga jiran mereka dengan memberi perhatian dan juga bantuan apabila diperlukan."

"Menjaga emosi seseorang memerlukan kemahiran yang tertentu. Anda mungkin boleh menjadi seorang pendengar yang baik kepada cerita atau masalah mereka."

"Usaha untuk membentuk masyarakat penyayang ini juga perlu dilaksanakan tanpa bertangguh kerana ia mampu mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif," katanya.